

Headline	Tuduhan banana republic tidak bertanggungjawab		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Mar 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	144 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,876
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,629



## Tuduhan *banana republic* tidak bertanggungjawab

**KUALA LUMPUR 16 Mac** - Tuduhan pembangkang kononnya Malaysia sebuah negara gagal serta menuju ke arah *banana republic* cukup tidak bertanggungjawab dan bertujuan merosakkan reputasi negara di mata dunia.

Tampil menyelar sikap pembangkang itu, **Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (Bebas-Bandar Tun Razak)** berkata, tuduhan sedemikian hanya merugikan Malaysia dan hanya bermotif politik sempit tanpa berpijak pada fakta.

Tegasnya, jika Malaysia menuju *banana republic*, pasti senario ekonominya sama seperti Jerman dan Jepun ketika kedua-dua negara tersebut kalah perang dunia kedua tetapi perkara itu tidak berlaku di Malaysia.

Hal sama juga jelasnya dalam istilah negara gagal, di mana Malaysia tidak mempunyai sebarang kriteria-kriteria yang melayakkan negara ini dilabelkan sedemikian, kerana struktur ekonomi Malaysia cukup kukuh.

"Sebuah negara yang gagal, negara tersebut tidak memiliki keu-

payaan untuk mengawal negeri, tidak memiliki keupayaan untuk menawarkan perkhidmatan awam dan tidak memiliki keupayaan untuk menjayakan perjanjian antarabangsa.

"Tapi ketiga-tiga unsur tersebut tidak terlihat dalam keadaan sekarang. Saya nyatakan ini supaya menjadi contoh kepada mereka yang ingin menggunakan istilah ini pada masa hadapan.

"Sekiranya ada benda yang tidak betul, kita cari jalan untuk buat pembetulan dan bukannya guna istilah ini," katanya ketika membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat hari ini.

Sebelum ini, Penasihat DAP, Lim



ABDUL KHALID IBRAHIM

Kit Siang, berulang kali menuju Malaysia menuju *banana republic* serta sebuah negara yang gagal dan tuduhan tersebut kini menjadi modal bagi pembangkang memburukkan kerajaan.

Mengulas lanjut, Abdul Khalid berkata, budaya politik tidak bertanggungjawab yang menjadi modal pembangkang perlu dihentikan segera kerana kesannya te-

lah dapat dilihat dalam kes pendeposit Lembaga Tabung Haji.

Menurut beliau, akibat termakan dengan hasutan pembangkang ramai pendeposit bertindak menge luarkan tabungan dan kini mula menyesal kerana kehilangan kelebihan tahun menunggu untuk mereka menuaikan ibadat haji.